



**Faculty of Applied and Creative Arts**

**PENGURUSAN PEMBANGUNAN PENGUNJUNG: KAJIAN KES  
MUZIUM NEGERI KELANTAN.**

**Wan Norazaham Bin Wan Omar**

**Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)**

**2015**

**PENGURUSAN PEMBANGUNAN PENGUNJUNG: KAJIAN KES MUZIUM NEGERI  
KELANTAN**

Wan Norazaham Bin Wan Omar

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Program Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2015

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the .....**26**.....day of.....**JUNE**....2015.

**Student's Declaration:**

I .....**WAN NORAZAHAM BIN WAN OMAR, 39286, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS**.....  
(PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that  
the work entitled .....**PENGURUSAN PEMBANGUNAN PENGUNJUNG MUZIUM : KAJIAN KES**.....  
**MUZIUM NEGERI KELANTAN**

is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources  
except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part  
been written for me by another person.

**26 JUNE 2015**

Date submitted

**WAN NORAZAHAM BIN WAN OMAR, 39286**

Name of the student (Matric No.)

**Supervisor's Declaration:**

I .....**MR. ALEXANDER CHELUM**..... (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that  
the work entitled .....**PENGURUSAN PEMBANGUNAN PENGUNJUNG MUZIUM : KAJIAN KES**.....  
**MUZIUM NEGERI KELANTAN**

(TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \*  
partial/full fulfillment for the conferment of .....**BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS**.....  
.....**(ARTS MANAGEMENT)**..... (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the  
aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: **MR. ALEXANDER AK CHELUM** Date: **26 JUNE 2015**  
(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*  
 **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*  
 **OPEN ACCESS**

### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_  
(                  )

Supervisor signature: \_\_\_\_\_  
(                  )

Current Address:

PT407, Taman Desa Peringat,  
16400 Kota Bharu,

Kelantan Darul Naim  
Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk “**PENGURUSAN PEMBANGUNAN PENGUNJUNG : KAJIAN KES MUZIUM NEGERI KELANTAN** ” telah disediakan oleh Wan Norazaham Bin Wan Omar dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni).

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....  
En. Alexander ak Chelum

Penyelia Program Pengurusan Seni

Tarikh:.....

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur Alhamdulillah kehadrat Allah s.w.t yang memberi limpah kurnia-Nya serta dengan keizinan-Nya maka terlaksana projek Tahun Akhir sesi 2014/2015 pada masa yang ditetapkan. Penghargaan ini ditujukan kepada pensyarah Jabatan Seni Liberal, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) terutamanya kepada penyelia pengkaji iaitu Sir Alexender yang banyak meluangkan masa, memberi bimbingan, panduan dan cadangan yang membina dalam melengkapkan kajian ini. Peghargaan ini juga dikhususkan kepada informan-informan yang terlibat dalam melaksanakan kajian ini terutamanya kepada Encik Abustarim Bin Yaacob dan Encik Husni Faizal Azam Bin Muhammad Nizam kerana sudi meluangkan masa untuk memberi kerjasama yang tidak terkira dalam membantu melengkapkan kajian ini. Tanpa mereka, kajian ini mungkin tidak dapat dilengkapkan dengan baik.

Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada ibu saya iaitu rohana binti Ibrahim yang telah memberi dorongan dan semangat untuk saya menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga, ucapan terima kasih kepada Wan Omar Bin Wan Hamat dan rakan-rakan seperjuangan atas sokongan, galakan, dan perkongsian idea-idea bagi melengkapkan kajian ini.

Terima Kasih,

Wan Norazaham Bin Wan Omar  
PT407 Taman Desa Peringat,  
16400, Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>BORANG PENGESAHAN STATUS LAPORAN</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI CARTA</b>	xiv
<b>SENARAI FOTO</b>	xvi
<b>ABSTRAK</b>	xvii
<b>ABSTRACT</b>	xviii

<b>BAB SATU: PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.0    Pengenalan	1
1.1    Latar Belakang	2
1.2    Permaslahan Kajian	3
1.3    Hipotisis Kajian	6
1.4    Objektif Kajian	6
1.5    Persoalan Kajian	7
1.6    Signifikasi kajian	7
1.6.1    Muzium Negeri Kelantan	8
1.6.2    Ekonomi Dan Pendidikan Setempat	8
1.6.3    Pengkaji Akan Datang	8
1.7    Skop Kajian	9
1.8    Lokasi kajian	10
1.8.1    Alamat Lokasi Kajian	10
1.8.2    Gambar Kawasan Kajian	11
1.8.3    Peta Lokasi Kajian	11
1.9    Konsep Teori Kajian	12
1.10    Kesimpulan	13

<b>BAB DUA: SOROTAN KESUSASTERAAN</b>	<b>14</b>
2.0 Pengenalan	14
2.1 Definisi Muzium	14
2.2 Sejarah Muzium Dunia	16
2.2.1 Pengertian Muzium	17
2.2.2 Fungsi Muzium	19
2.3 Sejarah Muzium Di Malaysia	23
2.4 Sejarah Muzium Negeri Kelantan	24
2.5 Pengerusan	25
2.5.1 Pengertian Pengurusan Pameran	29
2.5.2 Pameran	30
2.6 Faktor kehadiran pengunjung	31
2.7 Kesimpulan	33

<b>BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN</b>	34
3.0    Pengenalan	34
3.1    Reka Bentuk Kajian	35
3.2    Kawasan Kajian	36
3.3    Kerangka Kajian	36
3.3.1 Langkah 1: Kajian Rintis	36
3.3.2 Langkah 2: Rangka Kerja Dan Reka Bentuk	37
3.3.2.1 Rangka Kerja	37
3.3.2.2 Reka Bentuk kajian	40
3.3.2.2 Teknik Persempelan	40
3.3.4    Langkah 3: Analisa Kajian	40
3.3.5    Langkah 4: Kesimpulan Dan Cadangan	41
3.4    Data	42
3.5    Kaedah Pengumpulan Data Primer	43
3.6    Kaedah Pengumpulan Data Sekunder	47
3.7    Kesimpulan	48

<b>BAB EMPAT ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN</b>	49
4.0 Pengenalan	49
4.1 Data Pengunjung	50
4.1.1 Latar Belakang Responden	51
4.1.2 Pengetahuan Responden	58
4.2 Mengenalpasti faktor yang mendorong pengunjung datang ke Muizum Negeri Kelantan	68
4.3 Mengkaji kaedah pengurusan Muzium Negeri Kelantan	90
4.3.1 Pengurusan Muzium Negeri Kelantan	93
4.4 Meneliti strategi perlaksanaan Muzium Negeri Kelantan untuk meningkatkan tahap kefahaman kepada pengunjung.	96
4.4.1 Pandangan Responden	99
4.5 Kesimpulan	103
<b>BAB LIMA: PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN KESIMPULAN</b>	105
5.0 Pengenalan	105
5.1 Perbincangan	106
5.2 Penemuan kajian	110
5.3 Cadangan	112
5.3.1 Cadangan Kepada Organisasi	112
5.3.2 Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	113
5.3.3 Cadangan responden	114
5.4 Implikasi	114
5.5 Kesimpulan	115

<b>RUJUKAN</b>	120
<b>LAMPIRAN</b>	120
Lampiran A	124
Lampiran B	124
Lampiran C	125
Lampiran D	125
Lampiran E	126
Lampiran F	126
Lampiran G	127
Lampiran H	127

## **SENARAI SINGKATAN**

CAIS	Center Of Academic Information System
HRMIS	Human Resource Management Information System
LCD	Liquid Crystal Display
PUSTAKA	Perpustakaan Negeri Serawak
SKT	Sasaran Kerja Tahunan
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Peperiksaan Malaysia
STPM	Sijil Peperiksaan Tinggi Malaysia
SWOT	Strenght, Weakness, Opputunity, Threat
5S	Sisih, Susun, Sapu, Seragam, Sentiasa Amalkan

## **SENARAI JADUAL**

<b>PERKARA</b>	<b>TAJUK JADUAL</b>	<b>MUKA SURAT</b>
JADUAL 2.1	Pembahagian Pengurusan Muzium	28
JADUAL 4.1	Analisis Taburan Pengunjung Mengikut Jantina	51
JADUAL 4.2	Analisa Taburan Pengunjung Mengikut Umur	52
JADUAL 4.3	analisa Taburan Pengunjung mengikut Bangsa	53
JADUAL 4.4	Analisa Taburan Pengunjung Mengikut Status	54
JADUAL 4.5	Analisa Taburan Pengunjung Mengikut Pendidikan	55
JADUAL 4.6	Analisa Taburan Pengunjung Mengikut Pekerjaan	57
JADUAL 4.7	Analisa Taburan Pengunjung Yang Mengetahui Kewuju dan Muzium Negeri Kelantan	58
JADUAL 4.8	Analisa Taburan Pengunjung Memperoleh Sumber Maklumat Tentang Kewujudan Muzium Negeri Kelantan	59
JADUAL 4.9:	Analisa taburan Pengunjung Mengetahui Lokasi Muzium Negeri Kelantan	60
JADUAL 4.10	Analisa Taburan Pengunjung Yang Pernah Berkunjung Ke Muzium Negeri Kelantan	61
JADUAL 4.11	Analisa Taburan Pengunjung kali terakhir Berkunjung Ke Muzium Negeri Kelantan	62
JADUAL 4.12	Analisa Taburan Pengunjung Yang kali keberapa Berkunjung Ke Muzium Negeri Kelantan	63
JADUAL 4.13	Analisa Taburan Responden Yang Menyatakan sebab-sebab Berkunjung Ke Muzium Negeri Kelantan	65
JADUAL 4.14	Analisa Taburan Responden Yang Membuatkan responden Berkunjung Ke Muzium Negeri Kelantan.	66

JADUAL 4.15	Analisa Taburan Responden yang bersetuju dengan teknik penyampaian maklumat dapat menarik pengunjung melawat ke muzium	67
JADUAL 4.16	Analisa Taburan Pengunjung Sejarah Purba Iaitu replika ‘Gua Cha’ dan Seni Budaya seperti Alat-alat Muzik Tradisional, permainan Tradisional Menjadi Faktor Utama Kehadiran Pengunjung.	88
JADUAL 4.17	Analisis Taburan Pengunjung Yang Mengatakan Muzium Negeri Kelantan Tempat Yang Strategi untuk menarik pelancongan di Kelantan	99
JADUAL 4.18	Analisa Taburan Pengunjung Mengatakan aktiviti yang dijalankan di Muzium Negeri Kelantan Sangat Menarik	100
JADUAL 4.19:	Analisis Taburan Pengunjung Yang Mengatakan Muzium Negeri Kelantan Memberikan Pemahaman Yang Jelas Tentang Muzium Negeri Kelantan	102

### **SENARAI RAJAH**

<b>PERKARA</b>	<b>TAJUK RAJAH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 2.1	Konsep Organisasi	27

## **SENARAI CARTA**

<b>PERKARA</b>	<b>TAJUK CARTA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
CARTA 4.1	Analisis Taburan Pengunjung Mengikut Jantina	51
CARTA 4.2	Analisa Taburan Pengunjung Mengikut Umur	52
CARTA 4.3	Analisa Taburan Pengunjung mengikut Bangsa	53
CARTA 4.4	Analisa Taburan Pengunjung Mengikut Status	54
CARTA 4.5	Analisa Taburan Pengunjung Mengikut Pendidikan	55
CARTA 4.6	Analisa Taburan Pengunjung Mengikut Pekerjaan	57
CARTA 4.7	Analisa Taburan Pengunjung Yang Mengetahui Kewujudan Muzium Negeri Kelantan	58
CARTA 4.8	Analisa Taburan Pengunjung Memperoleh Sumber Maklumat Tentang Kewujudan Muzium Negeri Kelantan	59
CARTA 4.9	Analisa taburan Pengunjung Mengetahui Lokasi Muzium Negeri Kelantan	60
CARTA 4.10	Analisa Taburan Pengunjung Yang Pernah Berkunjung Ke Muzium Negeri Kelantan	61
CARTA 4.11	Analisa Taburan Pengunjung kali terakhir Berkunjung Ke Muzium Negeri Kelantan	62
CARTA 4.12	Analisa Taburan Pengunjung Yang kali keberapa Berkunjung Ke Muzium Negeri Kelantan	63
CARTA 4.13	Analisa Taburan Responden Yang Menyatakan sebab-sebab Berkunjung Ke Muzium Negeri Kelantan	65

CARTA 4.14 Analisa Taburan Responden Yang Membuatkan responden Berkunjung Ke Muzium Negeri Kelantan.	66
CARTA 4.15 Analisa Taburan Responden yang bersetuju dengan teknik penyampaian maklumat dapat menarik pengunjung melawat ke muzium.	67
CARTA 4.16 Analisa Taburan Pengunjung Sejarah Purba Iaitu replika ‘Gua Cha’ dan Seni Budaya seperti Alat-alat Muzik Tradisional, permainan Tradisionalmenjadi Faktor Utama Kehadiran Pengunjung.	88
CARTA 4.17 Analisis Taburan Pengunjung Yang Mengatakan Muzium Negeri Kelantan Tempat Yang Strategi untuk menarik pelancongan di Kelantan	99
CARTA 4.18 Analisa Taburan Pengunjung Mengatakan aktiviti yang dijalankan di Muzium Negeri Kelantan Sangat Menarik	100
CARTA 4.19 Analisis Taburan Pengunjung Yang Mengatakan Muzium Negeri Kelantan Memberikan Pemahaman Yang Jelas Tentang Muzium Negeri Kelantan	102

## **SENARAI FOTO**

<b>PERKARA</b>	<b>TAJUK FOTO</b>	<b>MUKA SURAT</b>
FOTO 1.1	Bangunan Muzium Negeri Kelantan	71
FOTO 4.2	Kereta Rolls Royce Silver Wraith -1958 dan Rolls Royce Silver Spur pada tahun 1980	72
FOTO 4.3	Sejarah Awal Negeri Kelantan Gua Cha di tepi sungai Nenggiri	73
FOTO 4.4	Pameran Congkak	74
FOTO 4.5	Pameran Wang Kulit	75
FOTO 4.6	Menorah	76
FOTO 4.7	Gasing	78
FOTO 4.8	Kertok	79
FOTO 4.9	Mak Yong Dan Main Puteri	80
FOTO 4.10	Rebana Ubi	81
FOTO 4.11	Wau/Kite	82
FOTO 4.12	Dikir Barat	83

## **Abstrak**

Kajian ini adalah sebuah kajian berkenaan Pengurusan Pembangunan Pengunjung Muzium: Kajian Kes Muzium Negeri Kelantan. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji faktor yang mendorong pengunjung ke muzium negeri Kelantan. Ini dapat diterjemahkan melalui survei yang dilakukan terhadap pengunjung dan disokong oleh fakta-fakta yang diperolehi hasil daripada temubual bersama informan yang pakar mengenai Pengurusan Muzium. Kajian ini mendapati mengenal pasti faktor yang mendorong pengunjung datang ke Muzium Negeri Kelantan, mengkaji kaedah pengurusan Muzium Negeri Kelantan dan menganalisa strategi perlaksanaan Muzium Negeri Kelantan untuk meningkatkan tahap kefahaman kepada pengunjung. Hasil kajian ini memberikan implikasi yang amat besar kepada masyarakat terutama masyarakat negeri Kelantan sendiri.

## **Abstract**

This is a study about Museum Visitor's Management Development: Case Studies State Museum. This study was conducted to investigate the factors that encourage visitors to visit museum in Kelantan. This can be translated through a survey carried out on visitors and supported by facts gathered from interviews with informants who are experts on museum management. The study aims to identify the factors that encourage visitors come to Kelantan State Museum; examine the methods of managing and analyzing the Kelantan State Museum, implementing strategies to improve the level of understanding to visitors. The results of this study surely will provide a tremendous implication to the society especially to the people of Kelantan themselves.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Pengurusan muzium seperti yang kita tahu adalah Merancang, menyelidik, mengumpul koleksi dan melaksanakan kerja-kerja berkaitan penubuhan muzium baru mengikut sasaran yang telah ditentukan termasuk membentang laporan kemajuan berkala, menyediakan pameran, "write-up", "caption" dan label. Mengurus muzium sediada termasuk meningkatkan mutu servis kepada pelanggan, menjaga imej muzium, meningkatkan kutipan dan jumlah pengunjung, menjaga keselamatan bahan pameran dan bangunan serta meningkatkan mutu pameran yang sediada. Selain itu, pengurusan muzium juga melaksana dan mengurus segala bentuk pameran dan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian agar muzium-muzium menjadi satu institusi yang 'hidup' dan terus dikunjungi berulangkali. Meningkatkan bilangan dan mutu koleksi muzium sediada agar muzium benar-benar menjadi pusat penyelidikan di dalam bidang yang berkaitan serta menyimpan data-data hasil penyelidikan dengan teratur sebagai bahan rujukan. Selain itu juga, bertanggungjawab dalam merancang dan memilih buku-buku yang sesuai untuk disimpan sebagai bahan perpustakaan. Mengendalikan kerja-kerja mendokumentasi dan mengkatalog koleksi muzium secara sistematik dengan lengkap dan terkini. Membantu dalam menjayakan kursus, ceramah, bengkel, seminar dan lain-lain dari masa ke semasa.

Kajian ini juga menjelaskan tentang matlamat penubuhan Muzium Negeri Kelantan. Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengenalpasti kaedah pengurusan yang dijalankan di Muzium Negeri Kelantan. Terdapat beberapa aspek pengurusan yang dijalankan dalam sesebuah organisasi, antaranya pengurusan perancangan, penyusunan, pengarahan dan pengawalan kepada pelanggan, menjaga imej muzium, meningkatkan kutipan dan jumlah pengunjung, menjaga keselamatan bahan pameran dan bangunan serta meningkatkan mutu pameran yang sediada.

Oleh itu, kajian demi kajian yang perlu giat diperjalankan bagi mengetahui selok-belok masalah yang dihadapi bagi muzium Negeri Kelantan. Berdasarkan hal ini, pengkaji menyediakan berbagai persoalan, skop kajian, permasalahan kajian yang akan diambil oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

## **1.1 Latar Belakang**

Muzium Negeri Kelantan telah dirasmikan pembukaannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan pada 6 Ogos 1990. Muzium Negeri terletak bersebelahan Bulatan Medan Tuan Padang dalam kompleks bangunan Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu. Dalam kompleks yang sama juga terletak Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan T.I.C. Kajian di Muzium Negeri Kelantan menjelaskan sistem pengurusan pembangunan pengunjung Muzium yang dijalankan di Muzium Negeri Kelantan. Latar belakang bangunan Muzium Negeri Kelantan adalah sebuah bangunan batu. Sebelum dijadikan Muzium ianya merupakan pejabat bagi Majlis Perbandaran Kota Bharu. Bangunan tersebut telah dibaikpulih dan dibuat beberapa perubahan sesuai dengan

sebuah Muzium. Tahun 1988 Bahagian dalam bangunan Muzium ini juga telah diubah dengan menambah setengah tingkat lagi dan menyediakan ruang-ruang untuk membahagikan aliran cerita yang ditetapkan bagi Muzium ini. Aliran pameran Muzium negeri ini adalah seperti berikut. Ruang awalnya mempamerkan sejarah negeri Kelantan semenjak awal hingga kepada era moden. Pada bahagian setengah tingkat di atas pula diadakan pameran mengenai Seni Budaya Negeri Kelantan; termasuklah peralatan permainan wayang kulit rebana ubi makyong menora dan lain-lain. Pada bahagian bawah bangunan pula selain daripada ditampilkan Sejarah Negeri Kelantan ditempatkan juga pejabat am Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Pejabat Pengarah Muzium dan lain-lain bahagian.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Muzium merupakan pusat penyebaran ilmu tentang sejarah yang terbaik kepada orang ramai. Menurut Richard Sandell and Robert R. Janes (2007), dalam bukunya yang bertajuk *Museum Management and Marketing* menyatakan bahawa:

*life of the community... We are storehouse of information, not just curious object... We can help build bridges of understanding between people of various races, religions, interests and backgrounds....*

Pernyataan tersebut menunjukkan fungsi-fungsi muzium sebagai pusat penyebaran ilmu. Selain itu, muzium juga berfungsi sebagai alat penyimpanan sejarah manusia seperti bangsa, agama dan latar belakang manusia.

Sebagai sesebuah institusi yang berperanan mengumpul, menyelidik, memelihara, mempamer dan menerbit bahan-bahan pameran sejarah Negeri Kelantan semenjak awal hingga kepada era moden dan seni budaya negeri Kelantan. Muzium negeri Kelantan merupakan tempat yang sesuai untuk membantu usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan sektor pelancongan Negara. Banyak faktor yang mendorong kepada kehadiran pengunjung datang ke Muzium Negeri Kelantan. Antaranya ialah pengurusan pengunjung muzium termasuklah perkhidmatan yang disediakan kepada pengunjung.

Kewujudan Muzium Negeri Kelantan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan ilmu kepada orang ramai tentang keistimewa, sejarah dan seni budaya negeri Kelantan yang terdapat di Muzium Negeri Kelantan disamping orang ramai dapat mempelajari sedikit sebanyak mengenai seni budaya negeri Kelantan. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi penambah baikan Muzium Negeri Kelantan ini sehingga menjadi tempat lawatan yang menarik di negeri Kelantan.

Terdapat banyak keistimewaan di Muzium Negeri Kelantan yang menjadi daya tarikan utama pengunjung iaitu sejarah negeri Kelantan semenjak awal hingga ke era moden dan seni budaya negeri Kelantan termasuk peralatan permainan wayang kulit, rebana ubi, makyong, menorah, dikir barat dan lain-lain lagi. Walaupun masyarakat umum mengetahui tentang sejarah dan seni budaya negeri Kelantan namun tidak ramai yang mengenali lebih dalam tentang budaya tersebut.

Pendidikan di bangku sekolah pula hanya memberi pendedahan secara umum tentang sejarah awal negeri Kelantan iaitu di Gua Cha, Kelantan manakala dari segi seni budaya di bangku sekolah kini semakin dilupakan. Kesedaran yang kurang di kalangan masyarakat tentang sejarah dan seni budaya akan memberi kesan yang buruk kepada masyarakat terutamanya masyarakat Negeri Kelantan. Sejarah dan seni budaya negeri Kelantan akan terus luput dari ingatan atau ketinggalan zaman jika diabaikan oleh generasi akan datang.

Oleh sebab itu, pengkaji telah membuat penelitian dan kajian melalui sejarah dan seni budaya bagi menyingkap isu dan permasalahan dalam kajian ini iaitu untuk meneliti keberkesanan cara penyampaian yang dilakukan oleh Muzium Negeri Kelantan dalam usaha memamparkan sejarah awal dan seni budaya yang ada di Kelantan kepada pengunjung.

Melalui pendekatan sejarah dan seni budaya yang dilakukan, pengkaji akan mengaitkannya dengan aspek pengurusan pembangunan pengunjung yang dilakukan oleh Muzium Negeri Kelantan bagi mengkaji hubungkait antara pengurusan yang dijalankan dengan faktor kehadiran pengunjung.